

# Peranan Wanita di dalam Sejarah Melayu Islam

Muhammad Fadli Mohammed Fawzi

Kian hari, kita terbaca komentar-komentar yang masih mengatakan tempat utama kaum wanita di rumah. Walaupun kedudukan tinggi kaum wanita diiktiraf dan tidak semestinya terperuk di rumah, aktiviti wanita di ruang awam masih dianggap sebagai bergantung kepada keadaan dan keperluan, bukan sebagai satu kelaziman. Komentar begini selalunya cuba menyandarkan pendapat pada nilai-nilai agama, khususnya merujuk pada ”kehendak Tuhan” atau ”anjuran Nabi”. Malangnya, kerap kali rujukan ayat al-Qur'an atau petikan hadis yang jelas tidak diberikan. Gejala inilah yang disebut Malik Imtiaz, seorang pemikir-aktivis dari Malaysia, sebagai gejala *Islam-as-I-say-tion'* (’Islam berdasar ungkapan saya’). Seorang ahli fikih dari Amerika pula, Profesor Khaled Abou El Fadl menyebutnya sebagai gejala ”bercakap atas nama Tuhan”. Gejala ini bersifat memaksa (*authoritarian*), dan berbeza dari fahaman Islam yang berwibawa (*authoritative*). Fahaman yang berwibawa mendasarkan pendapat pada pemahaman yang mendalam dan menghargai kompleksiti dalam penggunaan sesuatu kutipan ayat al-Qur'an atau hadis. Sebaliknya, fahaman yang memaksa hanya berminat memberikan pendapatnya sendiri tanpa hujah yang kuat atau jelas. Sikap memaksa inilah yang sering dilihat dalam hujah-hujah yang bersifat chauvinis dalam menindas hak-hak wanita. Satu cara pendangan chauvinis boleh dipatahkan ialah dengan memberikan contoh-contoh dari sejarah akan peranan penting yang dimainkan wanita dalam ruang awam.

Bukti penerimaan kepimpinan wanita dalam Islam boleh dilihat di dalam pengiktirafan yang diberikan kepada Ratu Balqis sepertimana yang disebut di dalam al-Qur'an. Beliau digambarkan sebagai seorang pemimpin yang berhemah dalam hubungan kenegaraannya dengan Nabi Sulaiman. Bukti penerimaan ini juga boleh dilihat pada sosok Siti Khadijah r.a., isteri Rasulullah s.a.w. sendiri. Penting dinyatakan bahawa Khadijah tidak berdagang kerana keadaan yang memaksa, tetapi memilihnya sebagai kerjaya dan terus berdagang setelah memeluk agama Islam. Peranan penting wanita di ruang awam juga boleh diteladani dari contoh seorang lagi isteri Rasulullah s.a.w., Aisyah r.a., yang bukan sahaja terkenal sebagai pemimpin di medan perang, tetapi merupakan seorang sarjana wanita yang mengajar sekian ramai sahabat-sahabat Nabi, baik lelaki atau wanita. Contoh-contoh seperti Khadijah dan Aisyah bukanlah tokoh-tokoh yang memainkan peranan sampingan

sahaja di dalam sejarah Islam. Mereka mempunyai posisi penting yang setaraf dengan para pejuang Islam lelaki lainnya. Mengikut Dr. Mohammad Akram Nadwi, seorang sarjana Islam di Universiti Oxford terdapat lebih dari lapan ribu sarjana wanita Islam terunggul sepanjang sejarah Islam. Sarjana wanita pada masa itu setaraf dengan kaum lelaki dan sering berdebat, berwacana dan membimbing umat Islam. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri bersifat reformis terhadap peranan wanita di dalam masyarakatnya pada masa itu. Contohnya, dengan turunnya wahyu, dia mengizinkan wanita mewarisi harta, dimana sebelumnya mereka bukan sahaja tidak berhak untuk mendapat harta tetapi menjadi bahan yang diwarisi.

Bukan sahaja dalam sejarah Islam, tetapi di dalam sejarah Melayu Nusantara, kaum wanita kerap memainkan peranan penting di dalam pembinaan peradaban di ruang awam. Seperti diceritakan di dalam *Hikayat Panji Semirang Asmarantaka*, seorang permaisuri Jawa bernama Galuh Candra Kirana dibuang negeri dan terpaksa menyamar sebagai seorang lelaki bergelar Panji Semirang. Dengan samaran ini, beliau dapat membuktikan kegagahannya dan akhirnya berjaya menubuhkan sebuah kerajaan bersama kekasihnya. Di contoh yang lain, negeri Aceh yang disanjung sebagai Serambi Mekah kerana ketaranya sifat Islam di negeri itu pernah diperintah di bawah naungan lima orang Ratu wanita. Aceh juga pernah menyaksikan perjuangan laksmana perempuan, Keumalahayati yang bergelar "Singa Samudra" kerana mengambil garis depan dalam menentang pencerobohan pihak Belanda pada abad ke-16.

Pada zaman kolonial pula, tokoh-tokoh wanita seperti Shamsiah Fakeh dan Khadijah Sidek bergerak aktif menentang British di dalam perjuangan menuntut kemerdekaan untuk Malaya. Shamsiah Fakeh merupakan pemimpin Angkatan Wanita Sedar (AWAS) di masa gerakan politik masa aman dan meneruskan perjuangan secara bersenjata setelah Darurat diisyiharkan pada tahun 1948. Khadijah Sidek pula diantara tokoh politik wanita yang berjuang di masa kemerdekaan untuk UMNO dan PAS. Mereka ini juga bergiat aktif di tanah Singapura. Sejarah membuktikan bahawa sumbangaan wanita pada masa itu bukan sesuatu yang bersifat terpencil dan sampingan. Mereka merupakan tokoh-tokoh berperanan besar dalam mengubah sejarah dan usaha-usaha mereka ini didukungi oleh sekian ramai kaum wanita jelata.

Sepanjang sejarah, tokoh-tokoh wanita ini menumpukan perhatian mereka pada tema-tema besar seperti memperjuangkan hak dan kebebasan, menegakkan keadilan, dan membanteras

penindasan dan penjajahan demi agama, masyarakat dan bangsa. Di zaman kontemporari ini, ramai wanita Melayu sudahpun berpendidikan tinggi dan bekerja di berbagai bidang dan jurusan. Makanya, amat dikesalkan sekiranya kita masih lagi membicarakan fungsi wanita hanya di dalam rumahtangga. Lebih parah lagi sekiranya kita hanya mampu berwacana mengenai cara-cara mengawal akhlak dan pribadi wanita, umpamanya cara suami mengawal isteri atau cara ibubapa mengawal anak dara. Wacana sebegini hanya akan mengusutkan keadaan dan membangkit perasaan muak dikalangan generasi muda yang terpelajar. Umumnya, generasi muda terpelajar tidak lagi melihat norma-norma lampau seperti 'fungsi utama wanita ialah melayan suami dan mengurus rumahtangga' sebagai serasi dengan perubahan masyarakat yang serba moden ini. Pentingnya, tinjauan sejarah bersimpati dengan pandangan anak-anak muda ini kerana sejarah membuktikan bahawa aspirasi wanita tidak seharusnya terhad kepada takrif tradisional. Wujudnya perbezaan fungsi dan tugas antara lelaki dan wanita bukanlah sesuatu yang bersifat semulajadi. Ianya berdasarkan konteks dan perubahan masyarakat. Adalah tidak adil sekiranya di dalam konteks masyarakat moden di mana wanita sudah bekerja dan bergiat di ruang awam, mereka masih dilihat sebagai pengurus rumahtangga. Beban mendidik anak dan menguruskan rumahtangga haruslah dipikul sama antara suami dan isteri. Kerosakan akhlak di zaman moden ini juga bukanlah berpunca dari wanita sahaja. Jadi, lebih baik jika obsesi kita untuk mengawal keperibadian wanita, disalurkan untuk mengkaji prasangka chauvanis yang tersirat di dalam norma-norma tradisional yang masih dianggap semulajadi dan tidak boleh dipersoalkan. []

\*\*\*\*\*